

Plein-aire Retro budaya semua orang boleh lukis

UB 18.09.2021 P. 05



CATATAN
KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS

MELUKIS secara terus dalam lapangan dipanggil sebagai outdoor painting, melukis diluar studio atau Plein-aire dalam Bahasa Perancis.

Melukis diluar studio secara terus mendapat lonjakan semasa perkembangan aliran impressionis di Eropah sekitar tahun 1800 disebabkan pelukis ketika itu seperti Claude Monet, Edouard Manet dan Camille Pissaro kehilangan mata pencarian akibat terciptanya kamera dan tersebarinya produk fotografi.

Akibatnya, peminat lukisan serta kolektor mula beralih minat untuk meraih karya fotografi terutamanya potret dan landskap.

Minggu lepas pada 11 September 2021, penulis dan beberapa orang pelukis telah dijemput berseminar secara atas talian bertajuk perbincangan adalah Plein-aire serta berdemonstrasi melukis secara atas talian di luar studio.

Program perbincangan dan demonstrasi Plein-aire dianjurkan dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Muzium Galeri Tunku Fauziah Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang yang diterajui oleh pengaruhnya Professor Madya Hasnol Jamal Saiedon.

Kaedah melukis di luar studio ini tidak begitu popular sebelum tahun 1990, walaupun ramai dalam kalangan pelukis profesional sudah mengamalkan melukis di dalam lapangan.


Namun ia sebagai kajian untuk karya yang lebih serius kerana kedatangan lukisan berkomputer adalah faktor menjadikan lukisan secara terus tidak mendapat sambutan kerana mereka yang tidak mahir melukis boleh melukis dalam studio secara mudah.

Oleh sebab itu, melukis di luar studio tidak menjadi pilihan kebanyakan pelukis muda di tahun 80-an. Salah satu sebab lagi yang menjadikan melukis Plein-aire menemui kekangan adalah disebabkan elemen cuaca banyak mengganggu tumpuan dan fokus melukis.

Selain itu, gangguan dari orang ramai yang mempunyai sifat ingin tahu boleh mengganggu pelukis di lapangan seperti bertanya, bercakap dan menunjuk pandai.

Namun, sejak tersebarnya media sosial dimana setiap pelukis boleh berhubung antara satu sama lain dan berita terkini boleh dimuat turun dalam talian.

Beberapa kumpulan tem-



Cikgu Khalid Osman dengan KL sketcher.

patan seperti kumpulan Urban Sketcher menculm selesa mendapat petunjuk.

Urban Sketcher (USK) adalah pertubuhan NGO yang diasaskan oleh rakyat Sepanyol Gabriel Companario pada tahun 2009 di kota Seattle, Amerika Syarikat.

USK atau pelakar urban adalah jenama yang daftarkan sebagai satu usaha untuk menjadikan melukis di luar secara spontan sebagai satu budaya sasasap-

erti kaedah ahli ahli muzik jalanan atau Basker.

Setiap bandar raya dar metropolitan di luar negar juga mempunyai kumpulan Urban Sketcher mereka dari New York sehingga ke Timbuktu Afrika. Dalam beberapa tahun sahaja Urban Sketcher menjadi satu fenomena dalam seni lukis antarabangsa.

Cara lukisan itu telah berkembang di seluruh dunia termasuk Malaysia seperti Penang Urban

Sketcher dan Kuala Lumpur Urban Sketcher.

Pelukis-pelukis dalam kumpulan ini mengadakan, pertemuan melukis di panggil Sketch Crawl, rombongan melukis, lawatan, seminar serta pameran secara besar-besaran disetiap negara di dunia.

Justeru amalan ini telah diikuti oleh beberapa kumpulan tempatan umpannya KL Urban Sketcher, Ipoh Urban Sketcher dan Pulau Pinang Urban

Sketcher.

Beberapa tokoh pelukis Urban Sketcher sudah menjadi buah mulut peminat lukisan tempatan ialah Ahmad Hilmy, Chang Kiah Kian, Hakim Helmy, Mazul Affendi, Khalid Othman, Long Tien Shih, Harold Egan, Daiman Bona dan ramai lagi.

Menurut manifesto Urban Sketcher yang disenaraikan oleh Gabriel Companario antara lain menggariskan bahawa pelukis USK melukis atau melakar di dalam atau luar studio dan merakam apa sahaja yang dilihat.

Kedua, lukisan mereka menceritakan persekitaran, ketigalukisan mereka adalah rakaman masa, suasana dan tempat. Keempat lukisan mestilah berdasarkan apa yang disaksikan.

Kelima, beliau mendaangkan pelukis gunakan apa sahaja media yang mereka ada dan hasilkan karya berdasarkan gaya tersendiri serta keenam kongsikan lukisan diatas talian.

Banyak lagi aktiviti Plein-aire boleh dilakukan seperti catatan perjalanan, membuat buku ekspedisi secara melukis dan juga berswafoto serta membuat kajian di lapangan.

Penulis yang lama sebagai pelukis Plein-aire juga telah menghasilkan beberapa siri buku seperti Dunia Seni ukiran Mah Meri penerbitnya Galeri Seni Negara dan yang terbaru buku bertajuk Leluhur Ma' Nene Tana Toraja oleh Ismail Ibrahim penerbitnya UMS adalah lakaran perjalanan

dalam lukisan serta kulit bukunya dari lukisan luar studio.

Banyak buku hasil dari Plein-aire umpamanya buku kompilasi yang diterbitkan oleh pengasas Urban Sketcher Gabreil Campasanario bertajuk The Art of Urban Sketching dan Pascale Argod bertajuk The Art Of Sketching, 400 years of travel Dairies.

Begitu juga ramai pelukis tempatan menghasilkan karya Plein-aire dan menjadikan karya mereka sebagai karya yang sudah siap selain mengadakan beberapa pameran serta menjualkan karya mereka kepada pengumpul seperti Chang Kiah Kian dan Hakyim Hilmy.

Kebanyakan pelukis yang aktif melukis di luar studio adalah pelukis muda bekas graduan dari negara luar dan kebanyakan pelukis lama membuat lukisan Plein-aire kerana latihan pendekatan akademik.

Schingga kini ramai pelukis tempatan di Sabah yang melukis secara berkumpulan di luar studio seperti Harold Egan, Cikgu Hassan Majin, Mark Abdullah, Jaini Abdul Ghani (binjai) Halim Moksin, Christianne Goonting dan ramai lagi.

Kajian menunjukkan melukis di luar studio menjadikan pelukis berkeyakinan dan menguasai ketrampilan tinggi selain menjadikan mereka lebih mesra alam.

Ini adalah beberapa kebaikan yang telah terbukti melalui melukis Plein-aire.